

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1985/86

HMP 402 - Aspek-Aspek Teori Linguistik Am  
dan Penterapannya

---

Tarikh: 18 April 1986

Masa: 2.45 ptg. - 5.45 ptg.  
(3 jam)

---

Jawab SOALAN NO. 1 dan TIGA(3) yang lain.

1. Apakah peranan de Saussure dalam perkembangan linguistik moden. Bincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi pemikiran de Saussure mengenai bahasa sehingga dia dapat mengasaskan linguistik moden.
2. Boaz dapat dikatakan meletakkan asas kajian deskriptif dan Bloomfield telah meningkatkannya menjadi satu bidang bertaraf saintifik. Nyatakan asas-asas yang telah diletakkan oleh Boaz dan apakah sumbangan Bloomfield ke atasnya.
3. Jelaskan hipotesis Sapir-Whorf dan bincangkan gagasan Sapir yang mengatakan bahawa makna asas (basic) dalam semua bahasa adalah sama.
4. Tatabahasa generatif transformasi (Chomsky) telah timbul akibat daripada kelemahan tatabahasa deskriptif struktur. Apakah kelemahan-kelemahan tersebut dan apakah pembaharuan yang dibawa oleh Chomsky untuk mengatasi kelemahan ini? Gunakan contoh yang sesuai dalam penjelasan anda.
5. Pendekatan ahli bahasa Inggeris kerap dikenali sebagai deskripsi multisistem. Bincangkan ciri-ciri multisistem ini dengan contoh untuk menjelaskannya.
6. Glossematiks timbul sebagai satu percubaan Uldall untuk mendirikan bidang kajibahasa sebagai satu disiplin bebas, tidak bergantung pada mana-mana disiplin lain. Nyatakan pengaruh yang menyebabkan Uldall berpendirian demikian. Apakah pengertian konsep lambang itu dari kaca mata glossematiks.